



KENAPA BAYAR
LEBIH?



TEMPAT DUDUK
TERHAD



PAKEJ NILAI
BERGANDA



TAWARAN
ISTIMEWA



TOUR LEADER
TERLATIH



PENJAGAAN
SOLAT



PENGINAPAN
SELESA



PENGANGKUTAN
SELESA



MAKANAN SESUAI
MUSLIM



TURKISH
AIRLINES

11H8M JELAJAH TURKI

HARI 01

KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke Istanbul

HARI 02

ISTANBUL - SAFRANBOLU

MT/MM

- Ketibaan tetamu di Lapangan Terbang Atartuk Istanbul akan disambut oleh pemandu pelancong.
- Perjalanan diteruskan ke **Safranbolu**. Seterusnya memulakan lawatan di Safranbolu termasuklah **Masjid Koprulu Mehmet** yang dibina pada tahun 1661 dengan keunikan kubah yang berbentuk seakan akan helmet serta terdapatnya sebuah jam matahari logam yang dibina pada kurun ke 19. Tetamu juga akan dibawa melawat **Masjid Izzet Mehmet Pasha** yang dibina pada kurun ke 18.
- Makan tengahari di restoran tempatan.
- Lawatan ke **Yörük Köyü (Nomad Village)** iaitu perkampungan zaman Uthmaniyyah yang menempatkan kaum nomad pada zaman dahulu kala. Disana juga tetamu diberi peluang menyaksikan pembuatan kasut secara tradisional. Seterusnya melawat **Old City Hall** di kawasan Safranbolu.
- Makan malam di restoran tempatan. Daftar masuk ke hotel dan bermalam di Safranbolu.

HARI 03

SAFRANBOLU - AMASYA

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Meneruskan kembara ke **Amasya** yang terletak di pergunungan dekat Laut Hitam dan memiliki sejarah lebih dari 7500 tahun. Tetamu di bawa melawat ke **Ferhat & Sirin Tunnel** dan **Love Museum** yang terkenal dengan kisah cinta lagenda di antara Puteri Sirin dan Ferhat seorang penenun karpet yang diarahkan oleh sultan untuk membina saliran air ke Bandar Amasya jika ingin bernikah dengan Puteri Sirin. Namun, kemalangan menimpa keatas Ferhat dan membuatkan Puteri Sirin membunuh diri kerana kecewa dengan niat Sultan untuk memisahkan mereka. Makan tengahari di restoran tempatan. Ziarah dan solat di masjid terbesar di Amasya **Sultan Beyazit II Camii** yang dibina pada tahun 1501. Tetamu berpeluang melihat musyaf Al-Quran pertama yang ditulis dengan tangan semasa zaman Khalifah Amirul Mukminin Saidina Uthman Ibn Affan Radhiyallahu'anhui pada tahun 25 Hijrah. Seterusnya bersiar di sepanjang **Green River** dan mengambil foto berlatarkan pemandangan **Mountain Rock Tombs** yang pernah dijadikan tempat pengebumian raja-raja semasa empayar Pontus. Sebelum menuju ke hotel, singgah melawat **Bimarhane** yang merupakan hospital psikiatri yang merawat para pesakit dengan menggunakan musik pada zaman dahulu. Laungkan suara anda dan dengarkan semua laungan anda di **Magical Eco Chamber**.
- Makan malam di restoran tempatan dan bermalam di Amasya.

HARI 04

AMASYA - CORUM - CAPPADOCIA

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak Cappadocia melalui Corum dan singgah sebentar membeli snek terkenal di **Roasted Chickpea Factory**.
- Seterusnya melawat ke **Salt Lake** dan berpeluang membeli barangan berasaskan garam dan cenderahati.
- Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel di Cappadocia.

HARI 05

CAPPADOCIA

SP/MT/MM

- Sarapan pagi di hotel. Melawat sekitar **Cappadocia** dimana tetamu dapat melihat muka bumi yang terdapat lembah yang menakjubkan terbentuk dari hasil letusan gunung berapi jutaan tahun dahulu. Antaranya ialah **Pigeon Valley** yang mana batu-batuan disini diukir lubang bagi burung merpati. Melawat penempatan awal bawah tanah zaman dahulu di **Underground City**.
- Melawat **Uchisar Castle** atau **Uchisar Village** dimana penduduk tempatan menebuk dan mengukir batuan untuk dijadikan tempat kediaman mereka seakan filem "The Flintstones". Makan tengahari di restoran tempatan.
- Seterusnya lawatan ke **Avanos Village** untuk melihat hasil seni halus kerja tangan dan bekualiti seperti tembikar, karpet dan barangan kemas berasaskan batu turquoise secara tradisional.
- Makan malam di restoran tempatan dan kembali semula ke hotel.

HARI 06

CAPPADOCIA - KONYA - PAMUKKALE

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak ke **Konya** yang terkenal dengan tarian Whirling Derwish dan hikayat ahli sufi Nasreddin Hoca. Singgah sebentar di salah satu hotel terawal bagi para pedagang Laluan Sutera suatu ketika dahulu iaitu **Ancient Caravanserai**.
- Tiba di Konya, dan tetamu di bawa melawat ke **Mevlana Muzium** yang dahulunya adalah pusat keagamaan Uthmaniyyah dan pembelajaran ahli sufi ketika era pemerintahan Seljuk Turks dan Uthmaniyyah. Meneruskan perjalanan menuju ke **Pamukkale**. Setibanya disana, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 07

PAMUKKALE - KUSADASI

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Lawatan diteruskan ke **Pamukkale** yang terkenal dengan teres-teres kolam air panas berwarna putih dilerehng bukit yang dikenali **Cotton Castle**. Nikmati kehangatan air panas ini dengan merendam kaki di teres-teres kolam air panas. Berhampiran dengan teres ini yang dikenali sebagai **Ancient Hierapolis** adalah peninggalan kota purba yang wujud sebelum zaman pemerintahan Byzantine yang masih boleh dilihat antaranya **Gates of Hell, Theater, Cleopatra's Pool dan Roman Bath**.
- Perjalanan diteruskan ke Kusadasi dan solat di **Isa Bey Mosque** yang dibina pada tahun 1375 dan merupakan salah satu masjid tertua yang masih wujud. Lawatan ke antara tujuh keajaiban dunia, **The Temple of Artemis** yang dibina dikawasan Ephesus.
- Makan malam di restoran tempatan. Daftar masuk hotel. Bermalam di **Kusadasi**.

HARI 08

KUSADASI - IZMIR - ISTANBUL

SP/MT/MM

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Tetamu akan dibawa menyaksikan **pertunjukan fesyen** dan berpeluang membeli barangan kulit seperti jaket, beg dan sebagainya.
- Seterusnya lawatan ke **Seven Sleeper's Cave (Ashabul Kahfi)** iaitu yang merupakan gua bagi sekumpulan 7 pemuda bersembunyi bagi melarikan diri dari penganiayaan agama. Mereka tidur dan terjaga 300 tahun kemudian. Tetamu berpeluang untuk membeli minuman dan snek ringan di kedai tempatan.
- Kemudian lawatan ke **Sirince Village** iaitu perkampungan ortodoks yang dikatakan mempunyai nama Cirkince (Hodoh) kerana bimbang orang luar terpesona akan kecantikannya. Setelah beberapa lama pelancong memahami bahawa perkampungan ini adalah Sirince (Cantik). Perkampungan ini terletak di atas bukit dan sesiapa juga akan terpesona dengan lading anggur dan kebun pic sepanjang perjalanan.
- Bertolak ke lapangan terbang Izmir bagi menaiki penerbangan Domestik ke Istanbul.
- Tiba di Istanbul. Makan malam di restoran tempatan dan bermalam di hotel.

HARI 09



ISTANBUL

- Sarapan pagi di hotel.
- Membeli belah di **Vefa Bazaar** yang menempatkan barangan tempatan yang murah dan berpatutan.
- Lawatan di **Istanbul** diteruskan **Hippodrome Square** yang dahulunya merupakan gelanggang lumba kereta kuda masa zaman Byzantium. Melawat **Ayasofya** atau **Hagia Sophia** yang dahulunya merupakan sebuah gereja semasa zaman Byzantium namun diubah menjadi sebuah masjid setelah Sultan Fatih Mehmed II berjaya menakluk Empayar Constantinople.
- Makan tengahari di restoran tempatan.
- Solat jamak di **Sultan Ahmet Mosque** atau dikenali dengan nama **Blue Mosque** adalah sebuah masjid bersejarah di Istanbul. Masjid ini dikenali sebagai Blue Mosque kerana jubin biru yang mengelilingi dinding dalam serta satu-satunya masjid di Istanbul yang mempunyai 6 menara.
- Melawat **Topkapi Palace** yang begitu gah. Di istana ini juga tetamu berpeluang untuk melihat peninggalan Rasulullah SAW seperti janggut, gigi, jubah dan pedang di samping peninggalan nabi-nabi yang lain seperti pedang Nabi Daud, tongkat Nabi Musa dan serban Nabi Yusuf.
- Untuk membeli cenderamata, tetamu akan dibawa ke **Grand Bazaar** yang telah wujud sejak tahun 1455 lagi dan terdapat lebih dari 3000 lot kedai yang menjual pelbagai jenis barangan.
- Makan malam di restoran tempatan. Bermalam di Istanbul.

HARI 10



ISTANBUL

- Sarapan pagi di hotel.
- Seterusnya tetamu berpeluang menyaksikan keindahan kota dan panorama antara 2 benua Asia-Eropah dengan menyusuri **Selat Bosphorus** menggunakan bot persiaran. Dari sini dapat melihat tempat bersejarah antaranya **Rumelian Castle** dan **Dolmabache Mosque**.
- Makan tengahari di restoran tempatan.
- Seterusnya tetamu akan dibawa membeli-belah di **Spice Bazaar**, pasar terbaik untuk merasai makanan tradisional Turkish seperti Turkish Delight dan Baklava. Tetamu boleh merasai makanan tradisional Turki seperti Turkish Delight dan Baklava. Terdapat juga barangan cenderamata untuk dibawa pulang ke Malaysia.
- Kemudian tetamu dibawa menziarah makan sahabat Rasulullah SAW iaitu **Abu Ayyub Al-Ansari** di **Ayub Al Ansari Mosque**. Tetamu akan solat jamak di **Fatih Mosque** dan menziarah makam **Sultan Mohamed Fatih**.
- Makan malam di restoran tempatan. Seterusnya menuju ke Lapangan Terbang Ataturk Istanbul untuk penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 11

KUALA LUMPUR

Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan memori indah yang cukup mengagumkan.

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Tiket penerbangan domestik dari Izmir ke Istanbul.
- Penginapan 7 malam yang selesa di hotel bertaraf 4-5* (rujuk jadual senarai hotel).
- Penginapan 1 malam di Hotel Butik
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara. Percuma tiket bot persiaran sewa khas menyusuri Selat Bosphorus bernilai USD60 seorang.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Hierapolis, Mevlana Museum, Serhati Underground City,
- Topkapi Palace dan Hagia Sofia.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays Sdn. Bhd. yang terlatih.
- Percuma beg kembara Kowamas Holidays Sdn. Bhd. setiap seorang (kecuali bayi).

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Surcaj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- Makanan dan lawatan termasuk tiket selain yang dinyatakan dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.
- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.



HARGA PAKEJ

HARGA SEORANG MENGIKUT

BILIK SEORANG	BILIK BERDUA	KANAK KANAK BERDUA	KANAK KANAK BERKATIL	KANAK KANAK TANPA KATIL
RM 5788	RM 4988	RM 4638	RM 4438	RM 4388

**Semua harga pakej yang ditawarkan di sini adalah tertakluk kepada perubahan semasa kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia (MYR) dengan matawang US Dollar (USD) dan Euro (EUR). Harga pakej akan berubah sekiranya kadar tukaran semasa Telegraphic Transfer (TT rates) pihak bank melebihi USD1 = MYR4.50 dan EUR1 = MYR5.20. Notis secara rasmi akan diberikan kepada pelanggan yang telah menempah pakej tersebut dalam tempoh 30-45 hari sebelum berlepas.



TARIKH BERANGKAT

BULAN	HARI
MAC	15



INFO PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	TK61	KL - Istanbul	2355	0620+1
08	TK2327	Izmir - Istanbul	1705	1825
11	TK60	Istanbul - KL	0155	1720

#Waktu penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.



INFO HOTEL

Kusadasi	Marina Hotel / setaraf	★★★★★
Pamukkale	Ninova Thermal Hotel / setaraf	★★★★★
Cappadocia	Gold Yildirim Hotel / setaraf	★★★★★
Amasya	Apple Palace Hotel / setaraf	★★★★★
Safranbolu	Cinci Han Hotel / setaraf	★★★★★
Istanbul	Ramada Golden Horn Hotel / setaraf	★★★★★



DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit RM1000 seorang diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan.
- Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas.
- Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Kowamas Holidays berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual dibawah.

HARGA PAKEJ	AMAUN DEPOSIT	TEMPOH PERLU DIBAYAR	BAKI DEPOSIT	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 – RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 – RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 – RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

PEMBATALAN TEMPAHAN

- Pembatalan tempahan hendaklah dibuat secara bertulis atau e-mel dalam mengelakkan sebarang kesilapan komunikasi.
- Sekiranya ingin membuat pembatalan mesti dibuat 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, deposit yang akan dikembalikan ditolak caj pentadbiran yang ditetapkan seperti berikut:

Caj Pembatalan	
45 hari atau lebih sebelum berlepas	Pemulangan penuh deposit
30– 44 hari sebelum berlepas	Sebahagian deposit
21 – 29 hari sebelum berlepas	50% dari harga pakej
15 – 20 hari sebelum berlepas	75% dari harga pakej
Bawah 15 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej

NOTA PENTING

- Harga yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan mata wang, surcaj bahan api dan cukai lapangan terbang.
- Kami berhak untuk mengubah atau meminda perjalanan dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua penerbangan dan hotel adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.
- Tidak semua hotel menyediakan cerek elektrik dan kemudahan seterika.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.
- Pasport mesti sah untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh perjalanan.
- Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli lawatan untuk memastikan bahawa nama mereka tidak disenarai hitam oleh mana-mana badan-badan kawal selia di Malaysia yang boleh melarang perjalanan ke luar negeri.
- Kowamas Holidays Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan oleh Imigresen Malaysia dan tambang tidak akan dibayar balik.
- Semua makanan yang disebut dalam program kami adalah sesuai untuk Islam, KECUALI untuk sarapan pagi yang biasanya berdasarkan menu piawaian bufet Antarabangsa.
- Semua yang dinyatakan diatas adalah termaktub pada Terma dan syarat Kowamas Holidays Sdn Bhd.

MAKLUMAT AKAUN



Bank : **MAYBANK BERHAD**
Penerima : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**
No Akaun: **5625 6230 4881**

KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

HQ OFFICE

Unit 301 Block A, Level 3, Kelana Business Centre,
97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-78030170 | 📠 03-78031260 | ✉ info@kowamasholidays.com

KOTA BHARU BRANCH OFFICE

Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Kota Bharu,
Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan

☎ +6012 960 5230 (salam) | ✉ kotabharu@kowamasholidays.com

JOHOR BAHRU BRANCH OFFICE

G-09D(B), Ground Floor, Puteri Harbour,
Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor

☎ +6019 331 1079 | ✉ johorbahru@kowamasholidays.com

*Harga tertakluk kepada perubahan tukaran matawang asing semasa

*Tarikh tertakluk kepada surcaj tambahan. Sila hubungi CS Dept kami.